

12/01/2002

PM anggap kempen pembangkang kasar

bakti Alias; Hassan Omar; Johari Ibrahim; Rashidi Karim

KUALA LUMPUR, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menganggap tindakan pembangkang menggunakan isu kematian anak Menteri Besar Perlis dalam kempen pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri Indera Kayangan, sebagai satu tindakan kasar.

Perdana Menteri berkata, mereka langsung tidak mengambil kira perasaan kesedihan orang yang kehilangan anak dan seolah-olah orang Parti Keadilan Nasional (Keadilan) tidak pernah menghadapi kematian ahli keluarga.

Naib Ketua Pemuda Keadilan, Muhd Zahid Md Arip dilaporkan berkata, kematian anak Datuk Seri Shahidan Kassim, Ameer Muhamad Fawwaz, 3, adalah peringatan dari tuhan kepada Menteri Besar Perlis itu.

Ameer meninggal dunia selepas terjatuh dari rumahnya di Tingkat 31, Kondominium Bistari Begonia, Jalan Putra, di sini pada 10 Disember lalu.

Naib Presiden Umno Datuk Seri Najib Tun Razak berkata serangan peribadi yang digunakan parti pembangkang itu adalah satu tindakan yang tidak akan menguntungkan pembangkang.

"Sebenarnya, kita tahu apa juga serangan peribadi, pengundi tak akan terima. Apatah lagi, apabila ia membabitkan kematian anak lelaki Shahidan baru-baru ini. Saya percaya, ia satu tindakan yang tidak akan menguntungkan mereka.

"Ini kerana, rata-rata rakyat dan pengundi di Perlis memang bersimpati dengan kehilangan anak kepada Menteri Besar," katanya.

DI KANGAR, pemimpin Keadilan, terutama Muhd Zahid digesa memohon maaf daripada Shahidan.

Ketua Pergerakan Wanita Umno, Datuk Seri Rafidah Aziz, berkata Keadilan harus segera berbuat demikian kerana kematian anak Shahidan itu adalah kemalangan yang ditakdirkan Allah, bukannya perkara yang boleh dijadikan bahan politik.

Beliau berkata, pemimpin Keadilan bukan setakat tidak sensitif dengan perasaan ibu bapa yang kematian anak, malah tidak mempunyai sifat belas ihsan terhadap sesama manusia.

Sehubungan itu, katanya, Keadilan diingatkan supaya tidak menggunakan kejadian seumpama itu sebagai bahan kempen kerana ia menyalahi norma kehidupan masyarakat di negara ini yang menitikberatkan aspek tatasusila kehidupan yang harmoni.

"Isu kesengsaraan hati ibu bapa, saya tak terfikir sanggup dia (Muhd Zahid) buat macam itu. Sepatutnya dia kasihan atau bersimpati. Ini menunjukkan Keadilan kehausan modal.

"Saya minta hentikanlah, pilihan raya bukan tempat nak membangkitkan perkara yang tak ada kaitan dengan pilihan raya. Orang yang tak berhati perut saja buat macam itu.

"Sepatutnya mereka mohon maaf daripada Shahidan sungguhpun saya yakin Shahidan tak akan menuntut mereka minta maaf kerana menyedari ini adalah politik.

"Saya saya fikir wajar dia mohon maaf kerana menyentuh perkara kekeluargaan seperti itu. Tak ada siapa yang hendakkan tragedi berlaku," katanya selepas memberikan amanat kepada jentera pilihan raya Wanita Barisan Nasional (BN), di sini hari ini.

Semalam, ketika ditanya perkara yang sama, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi meminta pembangkang tidak menggunakan kemalangan itu sebagai bahan kempen.

Bagaimanapun, Presiden Keadilan, Datin Seri Wan Azizah Wan Ismail ketika

diminta mengulas kenyataan Muhd Zahid, berkata beliau tidak tahu menahu mengenai perkara itu.

(END)